

Headline	Pensyarah UTM cipta pengimbas logo halal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,979



Pensyarah UTM cipta pengimbas logo halal

Skudai: Seorang pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya membangunkan perisian yang mampu mengesan penyalahgunaan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sijil akademik palsu.

Perisian dinamakan Verify Halal serta Identity Management Business Application Suite (IMBAS) itu dibangunkan Pensyarah Kanan Fakulti Alam Bina UTM, Dr Muhammad Zaly Shah Muhammad Hussein.

Katanya, perisian Verify Halal membolehkan pemeriksaan status halal dibuat dengan ha-

nya menggunakan telefon pintar yang mempunyai akses internet untuk mengimbas kod bar pada logo halal JAKIM.

Guna telefon

Muhammad Zaly berkata, selepas mengimbas menggunakan telefon, status halal digunakan syarikat terbabit yang dihubung terus dengan pangkalan data JAKIM akan tertera.

“Melalui perisian ini, status halal yang mungkin disalahguna dapat dikesan dengan cepat. Ia juga dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pengguna terhadap pensijilan halal JAKIM,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Katanya, JAKIM juga ber-

setuju menggunakan kod bar pada setiap sijil halal dikeluarkan pihak berkuasa agama itu untuk memastikan perisian terbabit dapat diaplikasi secara meluas.

“Untuk tujuan itu, syarikat Labuan Halal Hub bekerjasama dengan JAKIM untuk memperluaskan penggunaan perisian terbabit. Secara teknikal, sistem ini sedia untuk digunakan, tetapi bergantung kepada pihak pelaksana untuk menggunakannya secara meluas selepas ini.

“Logo halal JAKIM yang mendapat pengiktirafan seluruh dunia dapat diperkukuhkan lagi jika kita mampu mengesan sebarang penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata, IMBAS juga menggunakan kaedah sama dengan kod bar pada sijil akademik hanya boleh dibaca menggunakan perisian berkenaan.

Headline	Pensyarah UTM cipta pengimbas logo halal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,979



Zaly Shah, menunjukkan **sistem pengimbas dan applikasi** untuk menyemak kesahihan Halal di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]